

Tidak ada sebab untuk tukar kerajaan – Muhyiddin
Utusan Online
12 Januari, 2013

BENTONG 12 Jan. - Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tiada sebab untuk rakyat terpengaruh hasutan pembangkang yang mahu menukar kerajaan kerana Barisan Nasional (BN) telah terbukti berjaya membawa keamanan dan kemakmuran yang melimpah ruah kepada negara ini.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, malah sejak Datuk Seri Najib Tun Razak mengambil alih kerajaan, Perdana Menteri telah berjaya mentadbir negara menjadi lebih makmur menerusi pelbagai agenda transformasi sehingga pelbagai nikmat diperoleh rakyat.

"Kereta api sudah berada di landasan yang tepat untuk menuju negara maju dengan Perdana Menteri selaku pemandunya, kami anggota Kabinet membantu beliau.

"Jadi kalau sudah ada atas landasan yang tepat buat apa kita nak bagi kereta api itu tergelincir. Nanti yang akan rugi, rakyat dan negara juga," katanya ketika berucap pada Majlis Himpunan Rakyat 1Malaysia di Dataran Karak Setia dekat sini hari ini.

Majlis yang menarik kehadiran lebih 20,000 penduduk itu turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Ahli Parlimen Bentong, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Presiden MIC, Datuk Seri G. Palanivel; Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Presiden PPP, Datuk Seri M. Kayveas. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130112/dn_39/Tidak-ada-sebab-untuk-tukar-kerajaan---Muhyiddin